

21 JUN 1996
PAS-gereja
DAKWAAN PAS GEREJA SOKONG HUDUD MEMBIMBANGKAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Kerajaan menyifatkan dakwaan PAS kononnya pihak gereja menyokong pelaksanaan hukum Hudud sebagai membimbangkan kerana ia boleh menimbulkan salah faham antara agama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman hari ini berkata kerajaan bimbang jika salah faham antara agama berlaku di sebuah negara majmuk seperti Malaysia, ia boleh membawa kepada masalah lebih besar hingga tidak boleh diselesaikan.

Persatuan Gereja-gereja Malaysia telah menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas menafikan laporan akhbar milik PAS "Harakah" kononnya pihak gereja menyokong langkah PAS melaksanakan hukum Hudud, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan pita video agama Islam kepada Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi di Wisma Putra di sini.

Laporan akhbar itu pada 26 April lepas itu memetik Ketua Gereja St Martin's di Kelantan, Reverend Jacob George John ketua-ketua gereja tidak melihat ada sebarang masalah untuk menerima hukum Hudud kecuali orang itu tidak mendalami mengenai ilmu agama.

Beliau berkata tidak ada masalah hukum itu diterima kerana ia memberi kebaikan kepada semua pihak termasuk orang bukan Islam.

Abdul Hamid berkata laporan akhbar itu memeranjatkan pihak gereja malah ia menjadi satu isu besar bagi penganut agama Kristian dan pemimpin mereka.

"Bila laporan itu disiarkan, Dr Mahathir telah bertanyakan kepada pihak gereja sama ada kenyataan itu benar atau tidak. Pihak gereja amat terperanjat dan menolak kenyataan itu malah menyatakan bukan urusan mereka untuk masuk campur dalam hal membabitkan agama lain.

"Persatuan gereja tak terima kenyataan itu dan Dr Mahathir telah meminta saya untuk memberitahu pihak media untuk menyampaikan kepada orang ramai bahawa kenyataan itu tidak benar," katanya.

Abdul Hamid meminta PAS supaya jangan cuba mengaitkan agama lain dalam perkara menyentuh Islam.

Mengenai Majlis Penasihat Syariah yang akan ditubuhkan untuk mengawasi perkembangan institusi securiti dan instrumen pasaran modal Islam di negara ini, beliau berkata Pusat Islam akan mengenal pasti pakar dari dalam dan luar negara untuk menganggotainya.

Penubuhan Majlis itu diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Sarawak Rabu lepas. --BERNAMA

ARA MAI